

Kaji ordinan, peraturan hak milik strata negara lain

Seterusnya dikemas kini dalam Ordinan Pengurusan Strata 2019 sebagai panduan kepada pemaju hartanah dan pembeli

Oleh Mohamad Norhadie Sahari

MIRI: Sarawak sedang menilai ordinan dan peraturan hak milik strata dari negara lain seterusnya dikemas kini dalam Ordinan Pengurusan Strata 2019 sebagai panduan kepada pemaju hartanah dan pembeli.

Timbalan Premier Sarawak Dato Sri Dr Sim Kui Hian berkata, negara seperti Hong Kong, Singapura dan Australia mempunyai peraturan masing-masing yang digunakan untuk pengurusan dan penyelenggaraan strata.

“Sebagai contoh, jika berlaku kebocoran pada kediaman apartmen, siapa yang akan bertanggungjawab dan siapa pula yang terlibat dalam penyelesaian masalah ini.

“Sebab itu kita mahu semua pemaju hartanah dan pembeli menyertai Seminar Pengurusan dan Penyelenggaraan Strata agar mereka tahu hak



TERIMA KASIH: Dr Sim menerima cenderamata selepas merasmikan Seminar Pengurusan dan Penyelenggaraan Strata di sebuah hotel terkemuka di Miri, semalam.

masing-masing,” katanya.

Dr Sim yang juga Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata demikian selepas merasmikan Seminar Pengurusan dan Penyelenggaraan Strata di sebuah hotel terkemuka di sini, semalam.

Tambahnya, seminar ini menentang topik-topik seperti tugas, kuasa dan tang-

gungjawab badan pengurusan dan mesyuarat serta prosedur operasi standard pengurusan strata.

“Implikasi Ordinan Pengurusan Strata 2019, Ordinan Strata (Hak Milik Subsidiari) 2019 dan Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Pengurusan dan Penyelenggaraan) 2022 menyediakan pengurusan lebih komprehensif terhadap

pemilikan strata,” ujarnya.

Menurutnya lagi, penyertaan mereka memahami ordinan yang sedang dirangka adalah penting agar mereka tidak terlepas pandang akan peraturan-peraturan yang ditetapkan kerajaan.

“Kita amat serius dalam perkara ini dan seminar ini adalah satu siri yang akan diteruskan untuk mendidik

orang awam akan panduan Ordinan Pengurusan Strata 2019,” jelasnya.

Tambahnya, kira-kira 11,684 daripada 18,419 projek pembinaan kediaman telah dibina di Sarawak manakala selebihnya dalam proses pembinaan.

Menurutnya, dengan jumlah pembinaan kediaman yang tinggi, maka amat perlu untuk

“Sebagai contoh, jika berlaku kebocoran pada kediaman apartmen, siapa yang akan bertanggungjawab dan siapa pula yang terlibat dalam penyelesaian masalah ini.”

Dato Sri Dr Sim Kui Hian
Timbalan Premier Sarawak

pemaju hartanah dan orang awam memahami peraturan-peraturan di bawah Ordinan Pengurusan Strata 2019.

Seminar selama dua hari itu dianjurkan Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sarawak (SHEDA) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Jabatan Tanah dan Survei.

La disertai 500 peserta terdiri daripada pemaju hartanah, ejen hartanah, juruukur, pemilik tanah, wakil bank, peguam dan pihak berkuasa

tempatan serta kakitangan kerajaan untuk memahami perkembangan terkini dalam ordinan dan peraturan hak milik strata.

Turut hadir Menteri Pengangkutan Sarawak Datuk Sri Lee Kim Shin, ADUN Pujut yang juga Datuk Bandar Miri Adam Yii, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datu Antonio Kahti Galis, Presiden SHEDA Augustine C.H Wong dan Pengerusi SHEDA Cawangan Miri James Hii Sing Lung.